



IKLAN PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BIL 1/2020

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) seperti keterangan berikut :

1. JAWATAN

- (a) Nama Jawatan : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
- (d) Taraf Jawatan : **SEMENTARA (Sambilan bergaji hari)**
- (e) Tempoh Jawatan : **3 BULAN**
(Boleh dilanjutkan sehingga maksimum tiga(3) bulan berdasarkan prestasi
- (f) Kadar Upah : **RM54.00 SEHARI**
- (g) Waktu Bekerja : **8.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG**
(ISNIN HINGGA JUMAAT)

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon yang memohon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Terdiri daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Semenanjung Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (c) Berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf Setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (e) Berpengetahuan dalam mengendalikan komputer akan diberi pertimbangan utama;
- (f) Pemohon yang sedang berkhidmat dengan mana-mana jabatan/agensi kerajaan hendaklah memohon melalui ketua jabatan masing-masing; dan
- (g) Komited dan bertanggungjawab dalam apa jua tugas yang diberikan.

3. FUNGSI BIDANG TUGAS

- (a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas Perkeranian/Operasi di peringkat kumpulan sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas Perkhidmatan am, Pemprosesan, Pengumpulan Data dan Maklumat dan bekerja di luar kawasan.
- (b) Skop fungsi bidang tugas adalah seperti berikut :
- i) Pentadbiran Am
 - ii) Pengumpulan dan Key-in Data/Maklumat
 - iii) Pemprosesan Data / Maklumat
 - iv) Pengurusan Rekod; dan
 - v) Keurusetiaan

4. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN

Pekerja yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

5. CARA MEMOHON

- (a) Permohon hendaklah mengemukakan **RESUME** yang kemaskini.
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar terkini berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil keputusan peperiksaan, sijil tamat persekolahan, dan sijil / dokumen yang ada berkaitan dengan jawatan dipohon.
- (c) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :
- i. Tidak disertakan dokumen yang lengkap;
 - ii. Sijil / Dokumen tidak disahkan; dan
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan.

6. ALAMAT PENGHANTARAN

Permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah sebelum atau pada 30 Januari 2020 Jam 12.00 tengah hari. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima akan **DITOLAK**. Hanya permohonan yang layak sahaja akan dipilih untuk hadir temuduga.

PENGARAH

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

JALAN PERMATANG PAUH

13500 PERMATANG PAUH

PULAU PINANG

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 JANUARI 2020

8. CATATAN AM

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
- ii. Pemohon- pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap permohonan mereka tidak berjaya; dan
- iii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh kerajaan.